

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
[PORT DICKSON]**

TARIKH : **12 OGOS 2020 (RABU)**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan susulan dengan pengumuman Kementerian meluluskan Bantuan Prihatin Elektrik (BPE) berjumlah RM942 juta semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), apakah tindakan yang diambil terhadap Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang mengenakan kenaikan bil elektrik secara mendadak kepada pengguna semasa PKP.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan semakan yang dibuat oleh Suruhanjaya Tenaga, Tenaga Nasional Berhad (TNB) mengenakan caj dalam bil elektrik semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berdasarkan penggunaan tenaga yang direkodkan melalui meter yang sah dengan mengikut kadar dan struktur tarif seperti mana yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Oleh itu, tiada sebarang tindakan yang diambil terhadap TNB kerana TNB mematuhi peraturan-peraturan yang berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.